

“Nikmat Islam Dan Iman”
(28 September 2018/18 Muharram 1440)

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِسْلَامِ وَالْإِيمَانِ. وَأَعَزَّنَا بِهِ، فَمَهْمَا ابْتَغَيْنَا الْعِزَّةَ بغيرِهِ أَذَلَّنَا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَمُصْطَفَاهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ وَالَاهُ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ. اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ. قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُونَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa serta melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya hanya takwa sahaja yang dapat memandu kita untuk beroleh rahmat dan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat. Mimbar hari ini akan memperkatakan khutbah bertajuk: “*Nikmat Islam dan Iman*” sebagai peringatan bersama-sama dalam memulakan tahun baharu hijrah ini.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya Islam dan Iman adalah nikmat Allah ﷻ yang terbesar ke atas hamba-hamba-Nya berbanding segala nikmat yang lain. Maka sewajarnya kita selalu mengucap berbanyak-banyak syukur kehadiran Allah ﷻ di atas nikmat Islam dan Iman ini. Sebagai manusia, Allah ﷻ menciptakan kita dengan tujuan untuk beribadah kepada-Nya sekaligus untuk menguji sejauhmana ketaatan seseorang hamba dalam menjalani kehidupan di dunia ini, juga bagaimana kita

menentukan nasib hidup kita di akhirat nanti. Firman Allah ﷻ di dalam surah Al-Mulk ayat 2:

﴿ الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴾

Maksudnya: “Dialah yang menciptakan mati dan hidup untuk menguji kamu, siapakah diantara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha perkasa lagi Maha bijaksana”.

Allah ﷻ yang maha berkuasa menghidupkan kita di atas muka bumi ini, dan Dialah juga yang mematikan kita. Sesudah dimatikan, maka akan tiba suatu saat nanti kita dihidupkan semula pada hari kebangkitan untuk dihisab amal perbuatan kita. Seharusnya, kita menyedari bahawa hakikat kehidupan dunia ini adalah tempat persinggahan yang sementara. Kesempatan nikmat hidup yang dikurniakan oleh Allah ﷻ ini sewajarnya dilengkapi dengan aqidah yang suci, menjunjung segala perintah Allah ﷻ serta melaksanakan amal-amal soleh, membuat perkara-perkara kebajikan dan apa jua bentuk ketaatan dengan sebaik-baiknya. Dalam masa yang sama kita berusaha menghindari diri daripada melakukan perkara keji, dosa dan maksiat.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Dalam konteks yang lebih luas, praktis Islam dan Iman ini perlu kepada urus tadbir yang cekap dan berkesan kerana manusia itu lazimnya tidak semua berlaku baik dan bersifat dengan sifat kemanusiaan. Maka Islam itu datang membina peradaban dengan panduan al-Quran dan as-Sunnah yang membawa kesejahteraan dan kerahmatan ke seluruh alam khususnya umat manusia tanpa membezakan Islam atau kufur, beriman atau sebaliknya. Kerana itulah Islam menetapkan salah satu peraturan dalam hidup ini, iaitu prinsip *al-Amr bil ma'aruf* (الأمر بالمعروف) iaitu menyuruh melakukan perkara makruf atau kebaikan. Tidak terhenti setakat itu sahaja bahkan disusuli dengan prinsip *an-Nahi anil mungkar* (النهي عن المنكر) iaitu mencegah kemungkaran, perkara keji, dosa dan maksiat. Kedua-dua prinsip ini perlu berjalan seiring tanpa dipisahkan ke arah

mewujudkan *khira ummah* (خير أمة) iaitu umat terbaik, sebagaimana firman Allah ﷺ di dalam surah Ali-Imran ayat 110:-

﴿ كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴾

Maksudnya: “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah iman itu menjadi baik bagi mereka. (tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik.”

Selain prinsip asas seperti yang dijelaskan menerusi ayat tadi, para ulama’ dan sarjana Islam sejak dari zaman sahabat sehingga para ilmuwan Islam telah menggariskan landasan syariat dalam bentuk yang lebih teratur dan sistematik. Ia mencakupi bidang-bidang seperti perundangan, politik, ekonomi, muamalat, pendidikan, perubatan dan sebagainya yang menunjangi kegemilangan ketamadunan Islam sehingga menjadi sumber inspirasi pembangunan, pemodenan dan kemajuan yang wujud sampai ke hari ini. Ini bertepatan dengan firman Allah ﷺ dalam surah Al ‘Imran ayat 139:

﴿ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu merasa lemah, dan janganlah kamu berdukacita, padahal kamulah orang yang tertinggi (darjatnya) jika kamu orang yang beriman.”

Dan juga seperti yang telah diisyaratkan oleh Nabi ﷺ melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi:

"الإِسْلَامُ يَعْلو وَلَا يُعْلَى عَلَيْهِ"

Mafhumnya: “Islam itu tinggi dan tiada yang mengatasi ketinggiannya”.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Sesungguhnya orang yang beriman mempunyai wawasan dan hala tuju yang jelas dalam hidupnya. Ini kerana, penghayatan rukun Islam dan rukun Iman dengan sebenar-benarnya akan menterjemahkan manifestasi penyerahan diri seseorang hamba terhadap pencipta-Nya iaitu Allah ﷻ dalam apa jua urusan di dunia ini. Dengan itu, akan lahirlah sifat Ihsan di dalam jiwa yang mengabdikan diri penuh keikhlasan, ketelusan dan ketakwaan demi mencari keredhaan Allah ﷻ.

Dengan nikmat Islam dan Iman yang begitu berharga ini juga, akan mendidik serta mengajar kita erti syukur, sabar, redha, jujur, amanah, tawadhak (rendah diri), adil, bersih, tekun dan sebagainya. Dengan nilai-nilai yang diajarkan Islam inilah akan mengisi kehidupan hamba dengan lebih bermakna melalui hubungan dengan Allah ﷻ (حَبْلٌ مِنَ اللَّهِ) serta hubungan sesama manusia (حَبْلٌ مِنَ النَّاسِ). Maka jiwa yang sudah terisi iman akan meyakini bahawa segala perbuatan sama ada baik ataupun buruk dicatat oleh malaikat Raqib dan 'Atid, kesudahan hidup di dunia dengan kematian, adanya soal Munkar dan Nakir di dalam kubur, setelah itu adanya hari kebangkitan, perhitungan setiap amalan, pembalasan syurga dan neraka, kesemua ini akan mendorong kita menjalani kehidupan dengan penuh tanggungjawab, tabah, integriti dan berserah diri kepada yang Esa.

Begitulah istimewanya nikmat Islam dan Iman yang memandu kita bagaimana menjalani realiti kehidupan hari ini, di samping itu juga mendorong kita supaya memandang dan memikirkan nasib kita ke hadapan dalam mencipta kejayaan dan kebahagiaan, seterusnya apakah kesudahan kehidupan kita di negara akhirat yang kekal abadi nanti. Firman Allah ﷻ di dalam surah al-Qasas ayat 77.

﴿وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ وَأَحْسِنَ
كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ﴾

Maksudnya: “Dan tuntutlah dengan harta yang Allah kurniakan kepadamu akan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah kamu lupakan bahagianmu dari dunia; dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu; dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Mengakhiri khutbah, mimbar memohon perhatian para jemaah berkenaan beberapa perkara yang perlu kita beri perhatian berdasarkan topik pada hari ini, iaitu:-

- Pertama :** Selalu bersyukur kerana dikurniakan nikmat Allah ﷻ yang paling besar iaitu Islam dan Iman.
- Kedua :** Jiwa beriman mendorong kita menjalani kehidupan dengan penuh tanggungjawab, tabah, integriti dan berserah diri kepada Allah ﷻ.
- Ketiga :** Hakikat kehidupan dunia adalah sementara dan akhirat jua tempat kembali yang kekal selamanya. Maka berbekallah dengan amal soleh dan taqwa yang menjadi penyelamat kita di akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ﴾

Maksudnya: “Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari kelak terdiri daripada orang-orang yang rugi”.

Surah Ali ‘Imran, ayat 85

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ سَيِّدُ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ وَسَلَّمْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيًّا بْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ

وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ، وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ، الَّذِينَ قَضَوْا بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى مَلِكِنَا، كَبَاوَه دُولِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغِ دَفَرْتَوَانَا كُوغُ كَلِيمَا بَلَسْ.

سلطان محمد كليما وعلى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ

أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَّغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزَرَائِهِ سَيِّئًا وَمِنْهَاجًا. وَارْزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا وَهَاجًا. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَاحِيَةً. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشُّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ، اللَّهُمَّ أَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالطُّغَاةَ وَالظَّالِمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ، اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ، وَانصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَلَى عَدُوِّهِمْ، اللَّهُمَّ اجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindunganMu, Negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan,

Tanamkanlah rasa kasih sayang diantara kami,kekalkanllah perpaduan di kalangan kami, semuga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يُعْظِمُ لِعَظْمِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ

يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.